

16  www.hmetro.com.my  @hmetromy  HarianMetro  @hmetromy
lokal

Rabu 20.07.2022 | **Harian Metro**

Tanggungjawab Keluarga Malaysia jaga kedaulatan negara

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata tanggungjawab memastikan Malaysia kekal berdaulat, aman dan sejahtera bukan terletak di bahu pasukan keselamatan dan jentera kerajaan semata-mata, tetapi turut menjadi tanggungjawab bersama seluruh Keluarga Malaysia.

Berucap merasmikan Persidangan Keselamatan Negara 2022 (PKN22) dan Sambutan Bulan Keselamatan Negara 2022 di sini, sema-

lam, beliau berkata, konsep Keluarga Malaysia yang diikutskannya sejak Ogos 2021 membawa semangat yang amat relevan dan mempunyai sinergi dengan falsafah keselamatan negara.

"Keluarga Malaysia bermatlamat untuk memastikan keluarga besar kita yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, hidup dalam keadaan selamat dan harmoni dengan berpegang kepada tiga nilai utama iaitu Keterangkuman, Kebersa-

maan dan Kesukuran.

"Ia juga membuktikan idea Keluarga Malaysia bukan sekadar retorik atau slogan semata-mata, tetapi kepentingan dan kesejahteraan rakyat diutamakan seperti menjaga sebuah keluarga," katanya.

Ismail Sabri berkata, keselamatan negara adalah sa-

tu daripada kepentingan nasional yang perlu difahami dan diselami oleh seluruh Keluarga Malaysia.

"Jika ada ahli keluarga kita yang terancam, kita akan sama-sama menghadapi dan mempertahankannya. Ibarat cubit paha kanan, paha kiri terasa sakit. "Malah, ada falsafah me-

ngatakan, jika kita ingin mengubah negara menjadi lebih selamat dan sejahtera, kita juga mestilah bermula daripada keluarga yang harmoni, utuh dan sejahtera," katanya.

Beliau berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membangunkan Dasar Keselamatan Negara (DKN) yang strategik dan komprehensif bagi mendepani unjuran pelbagai potensi isu, cabaran dan ancaman.

Selaku Pengurus MKN, be-

liau melihat dasar itu menjadi pelengkap kepada perancangan kerajaan, yang bermatlamatkan kemakmuran negara termasuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Amat penting bagi aspek keselamatan negara dititikberatkan dalam segenap aspek kehidupan oleh Keluarga Malaysia. Ini kerana tidak ada seorang pun yang inginkan keluarga berantakan apalagi keluarga yang tidak selamat dan tidak harmoni," katanya. - Bernama

"Jika ada ahli keluarga kita yang terancam, kita akan sama-sama pertahankannya
Ismail Sabri